

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda menggunakan Kad Kredit-i HSBC Amanah kerana penggunaan Kad Kredit-i HSBC Amanah tertakluk kepada Perjanjian Pemegang Kad yang membentuk sebahagian daripada Terma dan Syarat Universal).

HSBC Amanah Malaysia Berhad

- Kad Kredit-i HSBC Amanah MPower
- Kad Kredit-i HSBC Amanah MPower Platinum
- Kad Kredit-i HSBC Amanah Premier World Mastercard®

1. Apakah ciri-ciri produk ini?

Ini adalah produk Kad Kredit-i yang mana pemegang kad akan menggunakan perkhidmatan dan kemudahan yang diberikan oleh HSBC Amanah dan bayar fi perkhidmatan (ujrah) untuk menggunakannya. Ini adalah selaras dengan Garis Panduan Kad Kredit-i BNM.

Sila juga baca Pek Alu-aluan Kredit Kad-i masing-masing, yang mengandungi lebih banyak maklumat tentang produk ini.

2. Apakah kemudahan yang saya perolehi daripada produk ini?

i) Had Kredit yang disediakan dan Manfaat Produk seperti yang dinyatakan dalam Pek Alu-aluan Kad Kredit-i.

ii) Program Pertukaran Baki Automatik (ABC):

Kelayakan adalah tertakluk kepada pengguna kad kredit yang memenuhi syarat-syarat berikut:

- Pendapatan tahunan kurang daripada atau bersamaan RM60,000
- Nisbah bayaran* dalam tempoh 12 bulan adalah kurang daripada atau bersamaan 10%

*Nisbah bayaran = Jumlah bayaran yang dibuat dalam tempoh 12 bulan lepas/Jumlah baki penyata dalam tempoh 12 bulan lepas.

Pemegang kad layak akan dinilai secara automatik dan didaftarkan bagi program ABC setiap 12 bulan dengan notis selepas memenuhi kriteria kelayakan. Untuk maklumat lanjut dan terma dan syarat produk, sila rujuk www.hsbcamanah.com.my/abc.

iii) Tempoh Bebas

Tempoh Bebas bermaksud suatu tempoh bebas fi pengurusan / Fi Pengurusan Sebenar bagi tempoh sekurang-kurangnya 20 hari bagi semua transaksi jika anda membuat pembayaran penuh untuk Penyata Kad sebelumnya, pada atau sebelum Tarikh Akhir Pembayaran yang dinyatakan dengan syarat bahawa tidak terdapat jumlah terhutang dalam Pendahuluan Tunai (Cash advance) dan/atau Pindahan Baki (Balance Transfer Instalment) dalam Penyata Kad Anda yang sebelumnya..

3. Apakah kewajipan saya?

i) Bayaran Bulanan Minima

5% daripada Baki Semasa + 100% ansuran bulanan Pelan Ansuran Kad Kredit (jika ada) + dan sebarang bayaran minima tertunggak yang dinyatakan dalam penyata Kad bulan sebelumnya ATAU, RM50 yang mana lebih tinggi.

Pelan Ansuran Kad Kredit bermaksud semua pelan ansuran termasuk tetapi tidak terhad kepada Pelan Ansuran Kad (IPP), Pelan Ansuran Tunai (CIP), Ansuran Pindahan Baki (BTI), Pelan Pertukaran Baki (BCP) dan Pertukaran Baki Automatik (ABC).

ii) Liability Penggunaan Kad Kredit-i

- Sebagai pemegang kad Utama, anda bertanggungjawab terhadap semua transaksi yang dilaksanakan oleh Pemegang kad Tambahan
- Anda mesti sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga yang sewajarnya untuk mencegah kerugian atau kecurian kad kredit-i dan tidak mendedahkan PIN kepada orang yang tidak sepatutnya. Jika anda mendapati bahawa kad kredit-i hilang, dicuri atau terdapat transaksi tidak sah yang dicajkan kepada kad kredit-i atau PIN mungkin terdedah, Anda mesti:
 - (a) memaklumkan kepada Bank serta-merta;
 - (b) membuat laporan polis;
 - (c) seterusnya memaklumkan kepada Bank dengan satu salinan laporan polis.
- Pemegang kad tidak bertanggungjawab terhadap transaksi kad yang dipertikaikan melainkan jika didapati bahawa mereka telah
 - (a) melakukan penipuan; ATAU
 - (b) lewat dalam memaklumkan kepada Bank dengan secepat mungkin yang munasabah selepas mendapati kerugian/kecurian kad(-kad) kredit atau transaksi tanpa kebenaran ke atas kad(-kad) kredit; atau

- (c) secara sukarela mendedahkan PIN kepada orang lain; ATAU
- (d) mencatatkan PIN pada kad kredit-i atau apa jua yang disimpan berhampiran kad kredit-i; ATAU
- (e) telah meninggalkan kad kredit-i atau barang mengandungi kad-i tanpa pengawasan di tempat yang boleh dilihat dan dicapai oleh orang lain; ATAU
- (f) secara sukarela membenarkan orang lain menggunakan kad kredit-i.

4. Apakah yuran-yuran yang perlu saya bayar?

i) Yuran Tahunan

| Yuran Tahunan | | |
|---|--------------|---------------|
| Jenis Kad | Utama (RM) | Tambahan (RM) |
| Kad Kredit-i HSBC Amanah MPower | Dikecualikan | Dikecualikan |
| Kad Kredit-i HSBC Amanah MPower Platinum | 240 | 120 |
| Kad Kredit-i HSBC Amanah MPower Platinum (Dinaik taraf dari Kad Kredit-i HSBC Amanah MPower) | 90 | 45 |
| Kad Kredit-i HSBC Amanah MPower (Penukaran dari Amanah Advance Visa Platinum) | Dikecualikan | Dikecualikan |
| Kad Kredit-i HSBC Amanah Premier World Mastercard® | Dikecualikan | Dikecualikan |

Sila rujuk kepada Tarif dan Caj HSBC untuk butiran lanjut tentang Yuran Tahunan.

ii) Yuran dan Caj lain-lain

| | |
|--|--|
| Yuran Pendahuluan Tunai (Cash Advance) | Yuran pendahuluan tunai sebanyak RM50 (termasuk sebarang cukai yang berkenaan) dikenakan bagi setiap RM1,000 yang diurus niaga, bergantung kepada had tersedia bagi pendahuluan tunai atau had pengeluaran. Transaksi kuasi juga diklasifikasikan sebagai jenis pendahuluan tunai. 2% yuran pendahuluan tunai (daripada jumlah yang diluluskan) dikenakan bagi setiap urusniaga Pelan Ansuran Tunai kurang daripada RM5,000, sekiranya dinyatakan selain. |
| Pertukaran Urus Niaga Luar Negara | Jika Pemegang Kad menggunakan Kad Kredit-i untuk transaksi dalam mata wang lain selain daripada Ringgit Malaysia, jumlah tersebut hendaklah ditukar berdasarkan kepada jumlah pertukaran mata wang asing yang ditentukan oleh Visa International/Mastercard® International, termasuk kos pertukaran mata wang asing sebanyak 1.00% serta sebarang fi lain yang dikenakan oleh Visa International/Mastercard® International. |
| Yuran Mencetak Draf Jualan | RM20 setiap salinan. |
| Yuran Permintaan Penyata Tambahan | Jika penyata untuk 12 bulan lepas: RM2 setiap halaman. Jika penyata lebih 12 bulan: RM20 setiap permintaan dan RM2 setiap halaman. |
| Yuran Penggantian Kad | RM50 setiap kad. |
| Yuran Terlebi Had | Tidak Berkenaan. |
| Cukai Perkhidmatan | RM25 setahun setiap kad (Utama dan Tambahan). |

Nota: Yuran dan caj seperti yang dinyatakan di Tarif dan Caj HSBC dan cukai terpakai, jika ada.

iii) Yuran Tetap Pengurusan Bulanan

Yuran Tetap Pengurusan Bulanan adalah amaun maksimum yang boleh dicaj untuk Yuran Pengurusan Bulanan Sebenar bagi setiap jenis kad. Jika Yuran Pengurusan Bulanan Sebenar melebihi Yuran Tetap Pengurusan Bulanan, Bank hanya boleh mengenakan maksimum caj menigkut Yuran Tetap Pengurusan Bulanan seperti berikut.

Yuran Tetap Pengurusan Bulanan

| Jenis Kad-I | Yuran | Had Kredit Maksimum |
|--|-------|---------------------|
| Kad Kredit-i HSBC Amanah mPower | 1,125 | 75,000 |
| Kad Kredit-i HSBC Amanah mPower Platinum | 2,250 | 150,000 |
| Kad Kredit-i HSBC Amanah Premier World Mastercard® | 2,250 | 150,000 |

Perhatian: Bank mesti memberi rebat kepada Pemegang Kad atas perbezaan antara Yuran Pengurusan Bulanan Tetap dan Yuran Pengurusan Bulanan sebenar pada tarikh penyata; atau rebat bagi had kredit yang tidak digunakan, di mana Yuran Pengurusan Bulanan sebenar untuk Baki terkini adalah kurang daripada Yuran Pengurusan Bulanan Tetap. Jika pemegang kad membuat bayaran penuh sebelum atau pada Tarikh akhir bayaran setiap bulan, pihak Bank tidak boleh mengenakan sebarang caj Yuran Pengurusan Sebenar untuk bulan tersebut.

iv) Yuran Pengurusan Bulanan Sebenar

Yuran Pengurusan Bulanan sebenar ialah yuran bulanan sebenar yang dicaj oleh Bank jika Baki Penyata bagi penyata kad bulanan sebelumnya tidak dijelaskan sepenuhnya sebelum atau pada Tarikh Akhir Pembayaran. Yuran Pengurusan Bulanan Sebenar akan dicaj ke atas baki prinsipal tertunggak daripada transaksi pembelian dan pelan kad kredit, dikira atas dasar harian dari tarikh transaksi diposkan sehingga pembayaran dijelaskan kepada akaun kad kredit dan seterusnya atas dasar baki berkurangan (jika ada).

| Yuran Pengurusan Bulanan | Kadar Tahunan | Catatan |
|---------------------------|----------------|--|
| Pembelian | 15.0% | Tahap 1: Pemegang Kad dengan Bayaran Bulanan Minima segera selama 12 bulan berturut-turut. |
| | 17.0% | Tahap 2: Pemegang Kad dengan Bayaran Bulanan Minima segera selama 10 bulan atau lebih dalam 12 bulan yang lalu. |
| | 18.0% | Tahap 3: Pemegang Kad yang tidak termasuk dalam kategori di atas. |
| Pendahuluan Tunai | 18.0% | Daripada baki terkumpul daripada Pendahuluan Tunai yang dikira secara harian. |
| Pindahan Baki | 18.0% | Daripada baki terkumpul daripada Pindahan Baki yang dikira secara harian |
| Ansuran Pindahan Baki | Sehingga 18.0% | Daripada baki terkumpul daripada Ansuran Pindahan Baki yang dikira atas dasar baki berkurangan |
| Pelan Ansuran Tunai | Sehingga 18.0% | Daripada baki terkumpul daripada Pelan Ansuran Tunai yang dikira atas dasar baki berkurangan |
| Pertukaran Baki Automatik | Sehingga 18.0% | Daripada baki terkumpul daripada jumlah Pelan Pertukaran Baki Automatik yang dikira atas dasar baki berkurangan |
| Pelan Penukaran Baki | Sehingga 18.0% | Daripada baki terkumpul daripada Pelan Penukaran Baki yang dikira atas dasar baki berkurangan |
| Relief Balance Conversion | Sehingga 18.0% | Daripada baki terkumpul daripada Relief Balance Conversion yang dikira atas baki berkurangan |
| Pelan Ansuran Kad | Sehingga 18.0% | Daripada baki terkumpul daripada Pelan Ansuran Kad yang dikira atas baki berkurangan. |

5. Bagaimana jika saya gagal memenuhi kewajipan saya?

i) Fi Bayaran Lewat

Minimum RM 10 atau 1% daripada baki tertunggak yang mana lebih tinggi, sehingga maksimum RM100.

ii) **Hak untuk melunaskan (Set-off)**

HSBC Amanah Bank Malaysia Berhad berhak untuk melunaskan mana-mana baki kredit dalam Akaun anda di HSBC Amanah Malaysia Berhad terhadap sebarang baki belum jelas dalam Akaun Kad Kredit-i ini.

iii) **Liabiliti untuk Urus Niaga Tanpa Kebenaran**

Jika gagal mematuhi tanggungjawab yang dinyatakan pada Klausa 3 ii), Bank akan mengenakan jumlah penuh transaksi yang tidak dibenarkan (termasuk fi-fi dan fi bayaran lewat yang berkenaan) ke atas Pemegang Kad.

Sila rujuk kepada Perjanjian Pemegang Kad yang membentuk sebahagian daripada Terma dan Syarat Universal.

6. Apakah yang akan terjadi sekiranya saya menjelaskan baki secara sepenuhnya sebelum tempoh matang?

Bagi Pelan Ansuran Kad, Pelan Ansuran Tunai, Ansuran Pindahan Baki, Pelan Penukaran Baki dan Pertukaran Baki Automatik: Pemegang Kad boleh pada bila-bila masa menjelaskan jumlah prinsipal tertunggak secara sepenuhnya dengan menelefon pusat hubungan HSBC Amanah. Apabila permintaan tersebut diproseskan, pemegang-pemegang kad dikehendaki untuk membayar jumlah prinsipal terhutang secara penuh bersama dengan fi-fi dan caj-caj (jika ada). Sila rujuk kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat spesifik di www.hsbcamanah.com.my.

7. Apakah risiko utama yang dihadapi?

- Jika anda hanya membayar jumlah kadar minima, masa lebih lama diperlukan dan jumlah lebih besar diperlukan untuk menjelaskan baki tertunggak. Pertimbangkan kemampuan anda membuat bayaran balik apabila anda menggunakan Kad Kredit-i.
- Jika anda menggunakan kad kredit untuk menjelaskan pembiayaan anda yang lain, kos anda mungkin lebih tinggi.
- Anda hendaklah memberitahu kami serta-merta selepas mendapati kehilangan atau penggunaan tidak sah kad kredit-i.
- Dengan memberikan notis, kami berhak untuk menyelesaikan atau menamatkan kemudahan kredit lain yang anda ada dengan kami menurut terma dan syarat Perjanjian Pemegang Kad.
- Kegagalan untuk membayar Bayaran Bulanan Minima pada Tarikh Akhir Pembayaran, boleh mempengaruhi penilaian kredit anda sepertimana yang dilaporkan kepada CCRIS (Central Credit Reference Information System).

8. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan kepada maklumat saya?

Anda hendaklah memaklumkan kami tentang sebarang perubahan maklumat boleh hubung untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

9. Di mana saya boleh mendapatkan bantuan dan membuat aduan?

- Jika anda mempunyai sebarang masalah menjelaskan baki Kad Kredit anda dan ingin membincangkan alternatif pembayaran balik atau membuat aduan tentang produk dan servis.

Anda boleh menghubungi kami di:

Perkhidmatan Kad HSBC Amanah Malaysia Berhad

P.O. Box 13688

50818 Kuala Lumpur

Tel: 03-8321 5200 atau 1300-80-2626

Laman Web: www.hsbcamanah.com.my

- Di samping itu, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), iaitu agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pinjaman secara percuma bagi individu. Anda boleh menghubungi AKPK.

Jika anda berminat memperoleh pengetahuan yang meliputi penggunaan kredit yang bijak dan asas pengurusan wang, sila pertimbangkan Program 'Pengurusan Wang Ringgit Anda' (POWER) yang dikendalikan oleh AKPK. Untuk maklumat lanjut atau pendaftaran ke dalam program ini, sila menghubungi AKPK di 03 2616 7766 atau layari laman web di www.akpk.org.my.

- Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh pihak kami dengan cara yang memuaskan, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

Block D, Bank Negara Malaysia

Jalan Dato' Onn

50480 Kuala Lumpur

Tel: 1-300-88-5465

Fax: 03-2174 1515

E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

10. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai Kad Kredit, sila rujuk kepada risalah bankinginfo mengenai 'Kad Kredit-i' yang boleh didapati di semua cawangan HSBC Amanah/HSBC Bank dan laman web www.bankinginfo.com.my.

NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MEMBUAT BAYARAN BAKI KAD KREDIT-i ANDA.

Maklumat yang diberikan dalam lembaran pendedahan produk ini adalah sah mulai 06/12/2023.

Dikeluarkan oleh HSBC Amanah Malaysia Berhad. (No. Syarikat 200801006421 (807705-X)).